

☒ Sinar Hartan
☐ Sinar Ahad
Tarikh: 16/5/2012
Hari: Rabu M/s: 31
Ruangan: SUKAN

Pafa tak bubar skuad belia

JUARA Piala Belia Kebangsaan 2012, skuad belia negeri Perak tidak akan dibubarkan memandangkan Persatuan Bola Sepak Perak (Pafa) telah membelanjakan sejumlah wang besar untuk membentuk pasukan itu.

Presidennya, Datuk Zainol Fadzi Paharuddin berkata, Pafa telah mengeluarkan peruntukan bermula daripada pemilihan pemain di peringkat zon akhir 2011 dengan 100 pemain terpilih mengikuti latihan pusat sebelum pemilihan akhir dua bulan lalu.

"Pengurusan Pafa juga sedang merancang untuk menyediakan peluang melanjutkan pelajaran sekurang-kurangnya peringkat diploma kepada pemain-pemain ini semasa latihan bagi mengelak mereka



berhenti bermain untuk meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi," katanya yang akan berunding dengan mana-mana institusi pengajian tinggi bagi pengajian secara Program Jarak Jauh atau luar kampus.

Merancang memberi pendedahan dalam liga tempatan bagi mengekalkan prestasi pemain, Zainol berkata, pemain yang menunjukkan peningkatan dan prestasi yang baik akan diserapkan ke pasukan Piala Presiden dan Liga Super pada masa akan datang.

Dalam kejohanan anjuran Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) di Universiti Utara Malaysia (UUM) Ahad lalu, pasukan Perak menewaskan Perlis 1-0 dan membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000.